

Dr Mahathir mahu berdebat di televisyen secara langsung dengan Najib
The Malaysian Insider
Jun 18, 2015

Tun Dr Mahathir Mohamad mencabar Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak untuk berdebat secara langsung dengannya di televisyen, selepas dialog "Nothing to Hide" yang seharusnya menemukan mereka gagal.

Menurut bekas perdana menteri itu dalam satu perjumpaan tertutup anjuran 'Kamy Mahathir' di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya semalam, beliau setuju untuk menjawab segala persoalan sewaktu pentadbirannya selama 22 tahun, tetapi katanya Najib perlu turut serta dan menjawab soalan yang diajukan kepadanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika menjawab soalan akhir yang diajukan pengerusi majlis berhubung cabaran Pengasas Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM) Badrul Hisham Shahrin atau Chegubard kepada Dr Mahathir untuk menghadiri sesi #Nothing2Hide anjuran mereka untuk menyoal beliau mengenai isu-isu semasa 22 tahun pentadbirannya.

"Yang pertama siapa dia Chegubard ni. Saya nak minta Datuk Seri Najib dan saya duduk atas pentas depan tv. Lepas itu Najib bleh soal saya tentang apa yang saya buat dulu kononnya saya hilangkan duit.

"Saya akan jawab, tapi jawab dulu. Sama-sama kita duduk atas stage semua tv duduk depan tu, biar bradcast di seluruh negara," katanya dalam video yang berdurasi 2.52 minit itu.

Pada masa sama, Dr Mahathir mengkritik Chegubard dengan melabelkannya sebagai "kucing kurap PKR" yang cuba menanggung di air yang keruh dalam kemelut antara beliau dengan Najib.

"Ini kucing kurap PKR..bagi tahu kepada dia, saya tak jawab soalan kucing kurap," katanya.

Selasa lalu, Chegubard mencabar Dr Mahathir yang lantang mengkritik Najib agar tampil sebagai panel untuk sesi "Hot Seat" #Nothing2Hide bagi menjawab persoalan dan dakwaan yang timbul sewaktu pentadbirannya selama 22 tahun.

Menurutnya, program itu bertujuan membuktikan wujud kezaliman politik pada zaman Dr Mahathir yang melibatkan isu seperti rasuah serta dakwaan beliau pernah terlibat menjatuhkan menteri lain.

"Kita beri peluang kepada Dr Mahathir menjawab sendiri dan orang ramai bertanya mengenai dakwaan yang timbul sepanjang 22 tahun pentadbirannya," katanya. – 18 Jun, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-mahathir-mahu-berdebat-di-televisyen-secara-langsung-dengan-najib#sthash.Ps4tvTAK.dpbs>